

25/05/2003

PM harap isu Limbang selesai sebelum bersara

GEORGETOWN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap isu tuntutan bertindih ke atas wilayah Limbang oleh Brunei Darussalam, akan dapat diselesaikan sebelum persaraannya, Oktober depan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu turut disentuh dalam perbincangannya dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, di sini pagi semalam.

Beliau berkata, isu berkenaan sebenarnya sudah lama dibincangkan dan satu formula (penyelesaian) sudah dikemukakan oleh Malaysia untuk pertimbangan kerajaan Brunei.

"(Dalam perbincangan pagi ini) kita sentuh sajalah (isu Limbang), tapi dah lama bagi formula dia untuk... (pertimbangan kerajaan Brunei). Saya harap ia boleh selesai sebelum saya bersara pada Oktober," katanya selepas

perbincangan itu di Hotel Eastern & Oriental semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas perkara yang dibincangkan pada pertemuan lebih sejam itu sempena lawatan tiga hari Sultan Brunei ke Pulau Pinang.

Tuntutan bertindih terhadap daerah Limbang, Sarawak dibangkitkan oleh Brunei sejak berpuluh tahun lalu. Daerah yang terletak di antara Miri dan Brunei itu seluas 3,978 kilometer persegi dan didiami penduduk Melayu, Lun Bawang, Cina, Kedayan, Iban, Bisaya, Kelabit, Tagal dan Penan.

Limbang menjadi sebahagian daripada Sarawak ketika di bawah pemerintahan Charles Brooke pada 1890. Apabila Sarawak mencapai kemerdekaan dan menjadi sebahagian Malaysia pada 1963, Limbang kekal sebagai sebahagian negeri itu.

Mengenai perkara lain yang dibincang dalam pertemuan itu, Dr Mahathir berkata, ia membabitkan hubungan dua hala, termasuk bagaimana untuk meningkatkan lagi hubungan sedia ada antara kedua-dua negara.

"Kita juga bincang tuntutan wilayah dan sebagainya, satu formula sudah dikemukakan oleh Malaysia untuk pertimbangan kerajaan Brunei," katanya sambil menyatakan rasa puas hati dengan rundingan itu serta yakin hubungan

di antara Malaysia dan Brunei akan menjadi lebih baik.

Ditanya mengapa beliau berbincang agak lama dengan Sultan Brunei, Dr Mahathir berkata: "Yang agak lama tu kerana kita cakap banyak perkara...kita turut bercakap fasal isu antarabangsa...kami kawan lama".

Sementara itu, ketika ditanya sama ada kerajaan akan meningkatkan kawalan di sempadan negara sebagai langkah persediaan membendung kemasukan

pelarian berikutan pergolakan Aceh ketika ini, Dr Mahathir berkata:

"Setakat ini kita tak ada masalah dan kita dari dulu pun memang bukan tempat untuk dia (rakyat Aceh) cari perlindungan."

Mengenai pendirian Malaysia jika ada rakyat dari wilayah itu memohon

suaka politik di negara ini, beliau berkata: "Tak ada pun, dia tak ada suaka politik pun."

Mengenai keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menarik balik sekatan ekonomi ke atas Iraq, Perdana Menteri berkata:

"Kita kena kenal pasti apa makna dia (PBB) hapuskan sekatan itu. Kita juga tidak tahu sama ada Amerika Syarikat kini berkuasa penuh atau tidak di Iraq, kita kena tengok..."